

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	11 SEPTEMBER 2016

Penyokong Dr M, Anwar saling mencurigai

BH - 11/9/2016

Baru-baru ini, Tun Dr Mahathir Mohammad mengadakan pertemuan 20 minit, dengan bekas 'anak didiknya' Datuk Seri Anwar Ibrahim di Kompleks Mahkamah, Jalan Duta di ibu negara. Pertemuan kali pertama antara Dr Mahathir dan Anwar selepas 18 tahun berseteru hanya membabitkan kes saman mencabar pelaksanaan Akta Majlis Keselamatan Negara 2016. Bagaimanapun, ramai pihak memberi reaksi pertemuan itu tidak menunjukkan keikhlasan mereka sebaliknya agenda berkepentingan sendiri yang bakal mencetuskan kerjasama luar biasa dalam usaha menjatuhkan pentadbiran kerajaan hari ini.

Wartawan BH Ahad, ROHANIZA IDRIS dan NADIA HAMID mendapatkan pandangan Setiausaha Kluster Politik, Keselamatan dan Antarabangsa, Majlis Profesor Negara, Prof Datuk Dr Halim Sidek dan bekas Setiausaha Sulit Anwar, Anuar Shari, mengenainya.

Dr Halim Sidek

S: Dalam skenario politik tanah air, bagaimanakah Datuk melihat perkembangan terbaru ini?
J: Ini adalah cara Tun Dr Mahathir Mohamad. Beliau seorang ahli politik yang amat veteran dan licik dalam percaturan politiknya. Setiap tindak-tanduknya jika diperhatikan, beliau tidak akan bertindak tanpa membuat perkiraan terlebih dahulu. Dalam kes pertemuan antara Dr Mahathir dengan Anwar, juga ada perkiraan yang dibuat bekas Perdana Menteri itu. Sukar dipercayai orang yang memecat Anwar bertanggungjawab menyebabkan Anwar Ibrahim dihadapkan ke mahkamah dalam kes liwat satu dan dua, sanggup hadir ke mahkamah dan bersalaman erat. Tapi ini adalah Dr Mahathir yang sengaja mahu saat pertemuan itu dirakamkan lensa kamera. Aksi bersalam itu nampak mantap sehingga menjadi fokus utama dalam semua liputan media sosial dan media massa.

Dr Mahathir kelihatan tersenyum penuh makna, tetapi senyuman Anwar sebaliknya seakan mencebik dan sinikal. Kalau Anwar ikhlas menerima kunjungan perjumpaan itu, mimik mukanya lain tetapi beliau seperti meluahkan monolog melalui isyarat badan - "hang mai balik jumpa aku noh", "hang dah ludah hang jilat balik".

Skenario berkenaan pada Dr Mahathir sangat penting kerana beliau memerlukan peluang bergambar untuk faedah politiknya yang hampir tandus. Beliau sudah kehilangan modal untuk berpolitik seperti ahli silap mata yang sudah hilang helah. Dengan gambar berpegangan tangan, Dr Mahathir boleh menggunakannya untuk faedah politik beliau serta ini digunakan untuk mengklankan diri kepada penyokong Pakatan Harapan, sekaligus mendapatkan restu penasihat utama parti pembangkang.

Saya melihat di pihak Anwar, beliau tidak menunjukkan mereka sudah mahu berbaik semula. Pertemuan itu satu peluang baik untuk meyakinkan pengikut Dr Mahathir, selain menarik banyak ahli baharu daripada individu atas pagar, mungkin penyokong UMNO menyertai parti baharu diterajui Tan Sri Muhyiddin Yassin.

S: Apakah implikasi tindakan itu dan adakah ia memberi manfaat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak?
J: UMNO sebuah parti yang berada di 'tengah-tengah' tidak perlu berbuat apa-apa. Seperti sepan-

dai-pandai tupai melompat, akhirnya Dr Mahathir akan tersungkur sendiri di akhir hayat politiknya. Tindakan Dr Mahathir juga mungkin memberi faedah untungnya, bagaimanapun penganalisis politik berpendapat ia akan memberi kesan negatif juga kepada beliau balik kerana pengikut politik beliau dan Anwar mempunyai kumpulan mereka sendiri yang tidak bersetuju dengan pertemuan itu.

Perkara ini akan melebarkan pergeseran dan jurang sebab setiap kumpulan mahu pemimpin itu saling memaafkan. Penyokong Anwar mahu Dr Mahathir melutut dan mohon maaf atas kesalahan yang beliau buat kepada Anwar, begitu juga kumpulan Dr Mahathir yang mahu Anwar meminta maaf atas semua serangan peribadi selama ini.

S: Di sebalik genggaman erat salaman berkenaan, ramai yang mengjangkakan kemungkinan wujud perbincangan lain untuk kerjasama antara kedua pihak?

J: Kita difahamkan satu siri perjumpaan akan diadakan selepas ini. Pertemuan di mahkamah itu adalah pembuka tirai kepada semua perjumpaan lanjutan antara pegawai kedua-dua parti. Saya kira, Dr Mahathir akan menyusun semula perjumpaan, akan ada perbincangan lain selepas ini.

Hakikatnya, ramai orang sedang keliru mengenai situasi sebenar dan kedudukan politik Dr Mahathir dan Anwar. Apa yang jelas, Dr Mahathir berada di luar penjara dan Anwar berada di dalam penjara, kerjasama mereka sukar. Sekiranya, pilihan raya diadakan pada 2018, Anwar masih belum keluar penjara dan dia tidak boleh bertanding, sedangkan Dr Mahathir masih boleh bertanding.

S: Ramai yang melihat tindakan Dr Mahathir itu tindakan orang yang semakin terdesak?

J: Ini adalah tindakan strategik Dr Mahathir. Baru-baru ini, beliau meminta maaf pada Majlis Raja-Raja kerana meminda Perlembagaan dan membongki rakyat dengan menggunakan kuasa rakyat (gelombang suara rakyat) untuk membenarkan tindakannya.

Inilah antara pembongkaran terbesar beliau yang baru didedahkan kepada umum. Selain itu, siri pendedahan berkenaan turut memabitkan tindakan beliau menyalahgunakan rizab kerajaan membeli nilai mata wang Amerika Syarikat (AS) untuk bermain pasaran saham sehingga nilai mata wang dan ekonominya negara merudum teruk, ketika itu. Perkara ini juga dirahsiakan, tetapi kesalahan dialihkan

kepada pelabur, George Soros.

Beliau meletakkan kesalahan pada orang lain sedangkan, kalau kita rujuk kes di luar negara, seorang Perdana Menteri yang bertanggungjawab akan meletakkan jawatan kalau berlaku kesilapan mereka. Tetapi perkara ini tidak berlaku kepada Dr Mahathir. Begitu juga kes Malaysia Official 1 (MO1) dan saman sivil Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DOJ).

Kenapa tidak dinamakan dalam dokumen di Amerika Syarikat, sedangkan dalam sebutan kes nama individu disaman hendaklah disebut dan tidak boleh diberikan gambaran sahaja, selain perlukan penyediaan maklumat lengkap dalam fail kes itu. Sampai saat ini, kita masih tertanya-tanya apakah muslihat di sebalik semua ini. Ini satu strategi untuk mengaburi rakyat kerana mereka sebenarnya tidak ada cukup bukti.

Persoalan kenapa kes difail di Amerika Syarikat? Dia nak tangkap siapa sebenarnya? Dalam kes ini, Perdana Menteri bukan orang yang disaman, jadi tidak perlu layan perkara sebegini kecuali ada pegawai Malaysia dinamakan.

S: Ramai berpendapat reaksi Anwar menyambut salam Dr Mahathir sebagai satu permulaan baik untuk bekerjasama?

J: Anwar seorang yang memiliki latar belakang agama kuat. Apabila orang lebih tua menghulurkan tangan, maka beliau akan sambutlah salam. Sebagai seorang Islam, saya berpendapat beliau menyambut salam sebagai tanda penghormatan silaturrahim.

Sebenarnya, Anwar sudah tahu agenda Dr Mahathir datang berjumpa dengan beliau di mahkamah, beliau tahu ia hanya untuk masa depan politik Dr Mahathir dan pengikutnya.

Anwar juga tahu Dr Mahathir menggunakan peluang bergambar sebagai kredit atau strategi meraih perhatian orang ramai dan beliau melayannya kerana tahu itu juga memberikan faedah kepada dirinya.

S: Adakah perkembangan terbaru ini petanda wujud kematangan dalam politik tanah air?

J: Di negara ini, pemimpin politik masih menjaga silaturrahim sesama Islam yang mana perbezaan politik tidak merenggangkan hubungan sesama manusia. Sebagai pengundi, kita ada pilihan untuk memilih pemimpin baik. Dalam politik profesional, kita tidak boleh porak-perandakan masa depan orang lain.

Kematangan berpolitik ada di negara kita yang boleh dilihat sebagai contoh, ketika pemimpin pembang-



Hakikatnya, ramai orang keliru situasi sebenar dan kedudukan politik Dr Mahathir dan Anwar. Apa yang jelas, Dr Mahathir berada di luar penjara dan Anwar di dalam penjara, kerjasama mereka sukar"

Halim Sidek
 Setiausaha Kluster Politik,
 Keselamatan dan Antarabangsa,
 Majlis Profesor Negara



kang meninggal, pemimpin Barisan Nasional (BN) melawat dan sempat membacakan doa kepada si mati. Ketika Allahyarham Datuk Fadzil Noor dikebumikan di Kedah, Dr Mahathir datang melawat. Perkembangan terbaru ini adalah bukti kematangan politik tanah air termasuk kelulusan parti baharu yang Dr Mahathir menjadi penasihatnya.

S: Bagaimana dengan masa depan usaha sama terbaru (sekiranya ada) antara kedua-dua pihak berkenaan?

J: Masa depan amat kelim antara kedua-duanya. Masing-masing menggunakan antara satu sama lain untuk kepentingan politik sendiri yang tiada manfaat kepada negara. Masing-masing mahu menunjukkan diri lebih baik berbanding satu lagi. Tiada seorang daripada mereka memohon maaf atas kesilapan lalu.

Jelas menunjukkan tiada keikhlasan dalam pertemuan berkenaan. Saya tidak nampak, masa depan mereka, tiada cahaya di hujung terowong buat masa ini. Di pihak Dr Mahathir, beliau mungkin beranggapan kejayaan terdahulu mewujudkan UMNO baharu sebagai kejayaan membangunkan UMNO jadi beliau ingat kali ini boleh menggunakan parti baharu untuk berbuat perkara sama.

Beliau beranggapan satu negara akan ikut perjuangannya kali ini, tetapi peraturannya silap. Orang Melayu sudah matang menilai politik, mereka pentingkan perpaduan dan ketenteraman, masa depan anak dan kestabilan negara stabil. Penubuhan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), bukan satu tindakan bijak buat masa ini. Dengan